

24 OCT 2000

BUKU-ISLAM

MAHATHIR LANCAR BUKU TINDAK BALAS ISLAM KPD GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan sebuah buku bertajuk "Kepentingan Globalisasi Ekonomi dan Kewangan: Reaksi Islam," yang antara lainnya membincangkan amalan perdagangan dan kewangan antarabangsa ketika ini.

Seorang daripada tokoh yang memberi sumbangan kepada buku itu adalah Datuk Mustapa Mohamed, yang menyeru para ilmuan dan tokoh-tokoh bank Islam menyediakan alternatif yang berguna dan pragmatik kepada struktur globalisasi daripada sudut pandangan Islam.

Beliau berkata usaha ini mustahak kerana magnitud urusan kewangan berkaitan bukan perdagangan telah mengatasi urusan kewangan berkaitan perdagangan dengan begitu pesat

Artikel Mustapa bertajuk "Globalisasi: Menurut Pandangan Malaysia"

Beliau berkata: "Apa yang telah dilakukan oleh Malaysia dalam tindak balasnya kepada krisis kewangan terutama menerusi langkah kawalan pertukaran, saya percaya, adalah berlandaskan Islam. Kita telah menyekat ringgit daripada diniagakan sebagai satu komoditi."

Buku itu, yang diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) juga membincangkan pelbagai garis panduan dan dasar-dasar Islam, reaksi dan penyelesaian kepada krisis ekonomi dunia.

Ia dilancarkan di seminar antarabangsa IKIM mengenai "Undang-Undang Islam dalam Dunia Kontemporari" di sini.

Mustapa berkata perbezaan besar antara pandangan Islam mengenai globalisasi dan amalan semasa adalah berkaitan dengan aliran kewangan terutamanya "wang panas".

Tumpuan Islam adalah bagi perdagangan dan pelaburan dalam sektor tulen.

Beliau juga berkata Islam menggalakkan aspek positif globalisasi seperti perdagangan dan pelaburan menyeberangi sempadan.

Agama membuka laluan kepada peluang perniagaan yang besar dan perdagangan antarabangsa sejak di awal kemunculan Islam hinggalah ke kemuncak empayar kebangkitannya, katanya.

Prof Dr Syed Nawab Haider Naqvi, Rektor Kausar University of Science, Islamabad, Pakistan dalam artikelnya mengenai "Kejutan dan Tindak Balas Ekonomi Islam" berkata Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) harus melibatkan diri dengan program integrasi ekonomi dalam perdagangan, pengeluaran dan kewangan.

Untuk merealisasikan perkara ini, beliau berkata OIC sepatutnya menggunakan lebih banyak mekanisme Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk meneroka bahagian-bahagian di mana pengembangan eksport yang lebih besar kepada pasaran dunia akan terlaksana.

Justeru, cabaran sebenar bagi rantau ini adalah untuk bekerjasama dengan blok dagangan utama Kesatuan Eropah (EU), Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), dengan menggunakan hubungan yang telah sedia ada.

Sebagai contoh, beliau berkata Turki, Mesir dan Maghribi telahpun mempunyai hubungan penting dengan EU manakala Indonesia dan Malaysia adalah anggota Asean dan APEC.

Dr Syed Nawab juga mengkritik perdagangan dalam OIC yang hanya tertumpu kepada enam negara (Saudi Arabia, Malaysia, Indonesia, Emiriyah Arab Bersatu, Iran dan Turki) manakala negara-negara kaya dalam kumpulan serantau itu (Brunei, Gabon, Libya, Kuwait, Qatar) hampir langsung tidak mengambil bahagian dalam menggalakkan hubungan perdagangan, pengeluaran dan

pelaburan antara OIC.

"Aliran ini harus diubah," katanya.

Juga, pergantungan besar kepada pengeluaran dan eksport minyak dari negara-negara pengeluar minyak harus dikurangkan sedikit demi sedikit dengan pengembangan seimbang struktur eksport di mana sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan diberi peluang yang lebih besar.

Beliau juga merasakan adalah penting untuk mengukuhkan operasi Bank Islam yang kini menjadi sebahagian daripada sistem kewangan seluruh dunia Islam.

Dalam meningkatkan mutu operasi Bank Islam di samping menaikkan taraf asas maklumat Bank-Bank Islam dengan bantuan teknologi berasaskan komputer moden, kes kemungkiran pinjaman harus ditangani dengan tegas kerana ia sama dengan tindakan khiyanat (menggelapkan wang penyimpan) di mana ia adalah satu dosa besar dalam Islam.

Bank Islam yang berfungsi sebagai perantara antara penyimpan dan peminjam, katanya, sepatutnya mampu mengurangkan perbezaan kadar pulangan bagi deposit serta saiz mutlaknya dengan menyerap kedua-dua lebih keuntungan dan kerugian dalam operasi mereka.

Bank-bank Islam juga harus meningkatkan kadar pulangan sebenar dengan menggunakan siri-siri instrumen kewangan inovatif dan dengan mengatasi perasaan malu mereka untuk menawarkan satu skim berdaya maju insurans deposit.

Sementara itu, Dr Monzer Kahf, pakar ekonomi penyelidikan Institut Penyelidikan dan Latihan Islam (IRTI) Bank Pembangunan Islam, Jeddah berkata Bank-Bank Islam harus menumpukan kepada daya saing mereka dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

Walaupun bank-bank dan institusi kewangan Islam boleh memasuki sesetengah pasaran Eropah, pangkalan pasaran mereka masih lagi kekal di negara-negara Islam di mana kebanyakannya adalah negara kecil dan dibelenggu dengan sekatan pasaran yang ketat.

Beliau berkata demikian dalam artikelnya bertajuk "Pembiayaan Perdagangan Antarabangsa: Alternatif Islam." -- BERNAMA

SHO FR ZK